

Alumni aset bantu kecemerlangan universiti, kata Tun Zaki

NSR 10.3.2018

PUTRAJAYA: Alumni adalah golongan yang berperanan sebagai aset yang mampu membantu dalam meningkatkan kecemerlangan universiti.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tun Zaki Tun Azmi berkata alumni boleh menyumbang dalam pelbagai idea dan kepakaran untuk membantu universiti.

“Alumni boleh menyumbang dalam pelbagai cara kepada pihak UMS sama ada idea, program-program bersama dan perkongsian bijak dalam perniagaan termasuk kepakaran.

“Selain itu, alumni juga boleh menjadi sumber inspirasi kepada pelajar universiti dengan mempamerkan contoh kejayaan yang telah dicapai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Taklimat Model Alumni Inspirasiku (MAI) 1.0 dan Program Ramah Mesra anjuran Pusat Alumni UMS di Yayasan Kepimpinan Perdana baru-baru ini.

Program tersebut adalah program yang dianjurkan dengan kerjasama Alumni UMS Chapter Putrajaya.

Tun Zaki turut mencabar Alumni UMS Chapter Putrajaya untuk tampil mendaftarkan sekurang-kurangnya 1,000 alumni UMS yang berada di sekitar Lembah Klang dalam tahun 2018.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Alumni UMS, Darwis Awang turut meminta alumni untuk melihat peluang yang disediakan oleh pelbagai pihak yang boleh menjadi landasan bagi menjalin perkongsian bijak dengan UMS.

“Saya ingin memberi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada alumni di sini untuk menganjurkan dua program berimpak tinggi dan program kemasyarakatan bagi



HERMAN (tengah bertopi merah) bergambar bersama ahli jawatankuasa pelaksana.

tahun ini.

“Selain itu, kalau boleh, saya turut meminta sekiranya mampu disumbangkan penerbitan artikel dan rakaman video berkaitan kegiatan alumni setiap bulan.

“KPI ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif MAI 1.0, iaitu sentiasa berhubung, keterlihatan dan keterlibatan alumni serta penajanaan ke-

wangan,” katanya.

Program yang diadakan itu mendapat sambutan membara dengan kehadiran 150 alumni UMS keluaran pertama (1999) yang berada di seluruh Negara khususnya kawasan Semenanjung Malaysia.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

dan Alumni, Prof. Dr. Ismail Ali, Pengerusi Majlis Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Mohamad Puad Bedit, Pengerusi Alumni UMS Chapter Putrajaya, Mohamad Farisal Mohammad Syawal dan Pengerusi Alumni Chapter Lembah Pantai Kuala Lumpur, Syafiq Ridwan Jamaluddin. **-OLEH: NOOR ZAFIRA SHAFIE**